



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

جَبَاتِنْ خِالْ اَلْاِمْوَالِ الْاِكَامِ الْاِسْلَامِيَّةِ سَبَاڤْ

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

26 RABIULAKHIR 1445H/ 10 NOVEMBER 2023M

KESEDARAN KELESTARIAN ALAM SEKITAR DI KALANGAN WARGA MALAYSIA

Disediakan oleh

Bahagian Penyelidikan & Sebaran Am, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Dengan Kerjasama

Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.

KHUTBAH TELAH DISEMAK

TARIKH DISEMAK : 7.11.2023

PEGAWAI PENYEMAK : SHAZLINA BINTI ABDUL RASHID
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Dakwah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

KHUTBAH RASMI JHEAINS

DILULUSKAN PADA : 08/11/23

DIBACA PADA :

DILULUSKAN OLEH : ADAM BIN ABDUL HAJI
Unit Baitul Hikmah
Bahagian Penyelidikan Dan Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ لِيُذِيقَهُمْ بَعْضَ الَّذِي عَمِلُوا
لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ ﴿٤١﴾

(لروم 30:41)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ ،

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ ،

وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ .

أَمَّا بَعْدُ ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ ، اتَّقُوا اللَّهَ ، وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَى ، فَقَدْ فَازَ

الْمُتَّقُونَ .

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH

Pada hari jumaat yang penuh keberkatan dan di atas mimbar yang mulia ini, saya berpesan kepada diri saya dan kepada sidang jumaat yang menjadi tetamu Allah sekalian, marilah sama-sama kita terus memperkasakan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi umat yang terbaik, yang dibangkitkan untuk menjadi contoh dan ikutan

umat-umat yang lain. Pada hari Jumaat yang mulia ini, mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk ***“Kesedaran Kelestarian Alam Sekitar Di Kalangan Warga Malaysia”***.

Sidang Jumaat Yang Berbahagia

Negara kita Malaysia telah menikmati pembangunan pesat dari pelbagai segi sejak mencapai kemerdekaan. Kepesatan ini didorong oleh pelbagai usaha pihak kerajaan melaksanakan pelbagai projek pembangunan bagi menjamin kesejahteraan dan kemaslahatan rakyat Malaysia.

Arus pembinaan yang pesat menjadikan negara kita berdaya saing dalam sektor ekonomi dan perindustrian serta telah meningkatkan taraf hidup rakyat. Kepesatan dan pembangunan negara ini juga mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa. Buktinya saban tahun pelbagai pelabur dari serata dunia meletakkan Malaysia dalam senarai pendek mereka untuk menjalankan pelaburan.

Namun demikian, impak positif dari kepesatan ini juga menyebabkan wujudnya kesan negatif dan salah satunya melibatkan keseimbangan alam sekitar dan ekosistem. Persoalan ini perlu diutarakan kepada semua pihak yang terlibat termasuk kita sebagai masyarakat yang akan mendapat manfaat daripada pembangunan itu. Isu pencemaran alam tidak boleh dilihat sebagai satu isu sampingan lagi dan ianya perlu diletakkan sebagai indikator penting dalam kemajuan sesuatu projek. Peranan penggerak sesuatu projek pembangunan dan pelaksanaannya penting bagi memastikan setiap langkah yang dibangunkan diselangi dengan kaedah

pelestarian alam sekitar yang berkesan dan bukannya hanya melepaskan batuk di tangga sahaja.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah!

Alam sekitar merupakan satu anugerah Allah SWT yang amat berharga untuk kesejahteraan kehidupan manusia. Allah SWT menciptakan alam ini sempurna dan seimbang untuk kemakmuran manusia. Bumi yang luas dijadikan tempat tinggal, gunung ganang sebagai pasak bumi, tumbuh-tumbuhan sebagai sumber makanan dan ubatan untuk hidupan, hujan sebagai sumber air, demikian jugalah dengan pelbagai jenis haiwan dan hidupan baik di darat mahupun di laut yang dijadikan untuk memenuhi keperluan hidup manusia. Pada setiap penciptaan yang menakjubkan, penuh bermakna serta menunjukkan kemuliaan Allah SWT. Firman-Nya dalam surah Taha ayat 53-54 :

الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ مَهْدًا وَسَلَكَ لَكُمْ فِيهَا سُبُلًا وَأَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَخْرَجْنَا
بِهِ أَزْوَاجًا مِّن نَّبَاتٍ شَتَّى ﴿٥٣﴾
كُلُوا وَارْعَوْا أَنْعَمَكُمُ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِّأُولِي النُّهَى ﴿٥٤﴾

Maksudnya: *“(Dia lah Tuhan) yang telah menjadikan bumi bagi kamu sebagai hamparan, dan Ia telah mengadakan bagi kamu padanya jalan-jalan lalu-lalang; dan Ia juga telah menurunkan hujan dari langit. Maka Kami keluarkan dengannya berjenis-jenis tanaman dan buah-buahan yang berlainan keadaannya. Makanlah kamu daripadanya dan berilah makan binatang-binatang ternak kamu; sesungguhnya semuanya itu mengandungi tanda-tanda yang membuktikan kemurahan Allah, bagi orang-orang yang berakal fikiran.”*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian!

Persoalan yang sering timbul ialah sejauh mana wujudnya rasa bertanggungjawab kepada alam sekitar untuk kita berusaha mengekalkan kelestariannya. Tabiat **'tidak mengapa'** yang masih diamalkan oleh masyarakat bagi alam sekitar perlu diubah kerana ia akhirnya akan menjejaskan kehidupan kita sendiri. Pelbagai bencana dan kerosakan alam sekitar yang berlaku di seluruh dunia adalah disebabkan oleh kerakusan dan kecuaiannya kita sendiri. Ianya adalah sebagaimana yang diingatkan oleh Allah SWT dalam surah ar-Rum ayat 41:

ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ لِيُذِيقَهُمْ بَعْضَ الَّذِي عَمِلُوا
لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ

Maksudnya: "Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia; (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat)."

Sesungguhnya kehidupan manusia dan alam sekitar sememangnya rapat dan saling berkait sesama sendiri, malahan kedua-duanya saling memerlukan antara satu sama lain. Sekiranya satu pihak musnah, maka semestinya kesan buruk akan menimpa satu pihak yang lain. Oleh itu tidak hairanlah Islam amat menitik beratkan tanggungjawab manusia untuk mengekalkan keharmonian dunia dan menjaga segala isi alam anugerah Yang Maha Pencipta. Anas Bin Malik RA berkata Rasulullah SAW pernah

bersabda yang **bermaksud**: *“Mana-mana orang Islam yang bercucuk tanam kemudian dimakan daripadanya burung, manusia atau binatang tiada yang lain kecuali baginya sebagai sedekah.”* (HR al-Bukhari)

Sidang Jumaat yang berbahagia!

Menyimpul khutbah hari ini, mimbar menyeru agar semua pihak menghayati peranan sebagai khalifah Allah SWT di muka bumi ini dengan memikul amanah yang diberikan untuk menjamin kelangsungan kelestarian alam sekitar. Pemahaman tersebut perlu diterapkan secara berterusan dalam segenap lapisan masyarakat melalui program kesedaran serta program-program ilmiah.

Pelbagai kaedah dan prinsip boleh diaplikasikan dalam mengekalkan kelestarian alam sekitar. Selain bertindak sebagai sukarelawan ataupun menyertai pertubuhan alam sekitar, terdapat juga Prinsip Maqasid Syariah yang perlu dihayati dan diaplikasikan dalam menangani isu alam sekitar demi memastikan pembangunan negara teratur, berkesan dan mampan.

Antara prinsip maqasid syariah iaitu memelihara akal, nyawa dan harta merupakan prinsip-prinsip yang sangat berkait rapat dengan penjagaan alam sekitar. Akal fikiran yang waras sangat penting untuk memastikan pemeliharaan alam sekitar diberi perhatian dan keutamaan dalam pembangunan sesebuah negara. Ini tidak lain bertujuan menjaga kesihatan dan nyawa orang awam yang berisiko terjejas kerana kegagalan untuk menjaga bumi dan alam sekitar sebagai harta yang diamanahkan. Oleh hal yang demikian, kita sebagai khalifah di muka bumi ini adalah

bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kelestarian bumi dan alam sekitar yang kita diami.

Ingatlah amaran dan peringatan Allah SWT bagi semua makhluk untuk menjaga kelestarian alam sekitar sepertimana firman-Nya dalam surah al-A'raaf ayat 56:

وَلَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ بَعْدَ إِصْلَاحِهَا وَادْعُوهُ خَوْفًا وَطَمَعًا إِنَّ رَحْمَتَ اللَّهِ قَرِيبٌ مِّنَ الْمُحْسِنِينَ ﴿٥٦﴾

Maksudnya: “Dan janganlah kamu berbuat kerosakan di bumi sesudah Allah menyediakan segala yang membawa kebaikan padanya, dan berdoalah kepadaNya dengan perasaan bimbang (kalau-kalau tidak diterima) dan juga dengan perasaan terlalu mengharap (supaya makbul). Sesungguhnya rahmat Allah itu dekat kepada orang-orang yang memperbaiki amalannya.”

Sidang Jemaah Jumaat yang dikasihi,

Sebelum menoktahkan khutbah ini, khatib juga ingin mengingatkan agar kita tidak melupakan nasib saudara kita di Palestin dan Gaza khususnya. Ingatlah saat kita duduk bersimpuh di rumah Allah yang mulia ini, sedang kita menikmati kelazatan ibadah di sini, namun saudara akrab kita di sana masih terus menderita dek kezaliman dan kefasadan *zionis laknatullah*.

Justeru marilah kita terus bersolidariti memberi sesuatu di atas kekuatan yang kita ada. Kita wajib bangun dan menyatakan pendirian tegas kita terhadap kekejaman yang berlaku ke atas saudara kita dengan merafakkan

doa bersungguh-sungguh kepada Allah SWT, menyalurkan sumbangan melalui pihak berwajib dan pertubuhan yang diperakui serta berusaha menghindari diri daripada menyokong mana-mana perniagaan yang membantu dalam menguatkan ekonomi negara haram Israel.

Sudah tentu kemampuan kita untuk mempertahankan bumi Palestin sangat terbatas, akan tetapi tindakan dan usaha kita inilah juga boleh dikatakan sekecil-kecil jihad yang mampu untuk kita lakukan sebagai saudara yang beriman.

Firman Allah SWT dalam surah Muhammad ayat 7-8:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اِنْ نَّصُرُوْا اللّٰهَ يَنْصُرْكُمْ وَيُثَبِّتْ اَقْدَامَكُمْ ﴿٧﴾ وَالَّذِيْنَ كَفَرُوْا فَتَعَسَا لَهُمْ
وَاَضَلَّ اَعْمَالَهُمْ ﴿٨﴾

Maksudnya: "Wahai orang-orang yang beriman, kalau kamu membela (agama) Allah nescaya Allah membela kamu (untuk mencapai kemenangan) dan meneguhkan tapak pendirian kamu. Dan (sebaliknya) orang-orang yang kafir, maka kecelakaanlah bagi mereka, dan (Allah) mensia-siakan amal-amal mereka."

بَارِكْ اللّٰهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْءَانِ الْعَظِيْمِ وَنَفَعَنِيْ وَاِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْاَيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ اِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ. اَقُوْلُ
قَوْلِيْ هٰذَا وَاَسْتَغْفِرُ اللّٰهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ

وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ ، فَاسْتَغْفِرُوهُ
إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ .

تک س خطہ کدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ،
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ،
أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:
إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا
تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ
حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ ارْضَ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقُرَابَةِ أَجْمَعِينَ وَعَنْ
التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا
أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.
اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصَّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَيْنَا

وَعَلَىٰ مَلِكِنَا كِبَاوَه دُولِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سِرِي قَادُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَقْرَتَوَانِ أَكُوغْ
 وَفَخَامَةِ الرَّئِيسِ الْأَعْلَىٰ تَوَانِ يَغْ تَرَاوَتَامِ يَغْ دَقْرَتَوَانِ نَكْرِي سَابِه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ
 الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُّطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَءُوفٌ الرَّحِيمُ.
 اللَّهُمَّ اذْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا
 بَطَّنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ
 قَدِيرٌ.

Ya Allah, selamatkanlah saudara-saudara kami kaum Muslimin Muslimat yang tertindas di bumi barakah khususnya Palestin, kasihanilah mereka dan limpahkan gugusan Rahmat-mu ke atas mereka. Keluarkan mereka dari kesempitan dan kesulitan serta porak perandakan kepungan musuh yang menindas mereka.

Ya Aziz Ya Jabbar, terimalah yang gugur dari kalangan saudara kami sebagai golongan syuhada yang mulia di sisi-Mu, kurniakan kesembuhan yang jatuh sakit dikalangan mereka, kurniakan keafiatan pada yang cedera.

Ya Allah, sesungguhnya kami meyakini engkau sentiasa Bersama mereka, maka hindarkan mereka daripada mara bahaya musuh yang sentiasa menentang mereka, hukumlah zionis yahudi yang melampaui batas yang melakukan kezaliman terhadap saudara kami tanpa kasihan belas. Musnahkanlah segala kekuatan yang mereka miliki, kerana mereka memang tidak berupaya melawan dan melemahkan kekuatan dan kekuasaan-Mu.

Ya Qawiyy wa Ya Qahhar, Engkau cerai beraikan ikatan antara mereka, porak perandakan kesatuan mereka serta gagalkanlah segala tipu daya serta perancangan jahat mereka khususnya puak zionis yahudi dan konco-konco yang membantu mereka.

Ya Rahman wa Ya Rahim, bantulah kami Umat Nabi Muhammad, Perbaiki serta Rahmatilah Umat Nabi Muhammad, Engkau pimpinlah dan bimbinglah kami ke jalan yang lurus yakni jalan yang engkau redai.

Ya Allah! Naungilah kehidupan kami dengan kesejahteraan, keamanan, dan keselamatan serta kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati. Hiasilah diri kami dengan sifat-sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat-sifat yang terkeji.

Ya Allah, Jadikanlah kami dan daripada keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Sesungguhnya hanya kepadaMu jua Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكِّرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ
يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA: Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi
Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah
Tel: 088-522127 / jheains.penerbitan@gmail.com